

JABATAN ALAM SEKITAR

E - ISSN 2710-5644



HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2024



HARI ALAM
SEKITAR NEGARA
21 OKTOBER
Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

Merafak Sembah dan Menjunjung Kasih
مجلس فراسمين سموتون هاري عالم سكتور نكارا فر يفتك كيشان
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN



LEHUDDIN





Kumpulan Editorial



PENASIHAT

Haji Shafe'ee
bin Yasin

KETUA EDITOR

Hajah Azuri
Azizah binti
Haji Saedon

EDITOR

Dasuki Loo
bin Abdullah

EDITOR

Ts. Ir. Shazana
binti Mohd
Ibrahim

EDITOR

Zainirul Ailis
binti Mustafa

ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS

3

ARTIKEL

4-6

OKTOBER 2024

SESI LIBAT URUS BAGI PROJEK RMK-12: PEMANTAPAN PELAKSANAAN PENILAIAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA	7
LIBAT URUS SIRI 2 BAGI PROJEK RMK 12: PENGUBALAN PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 20XX	8
SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN	9
JABATAN ALAM SEKITAR DAN DAIKIN MEMACU KESEDARAN IKLIM DENGAN PELANCARAN 'SUSTAINABLE YOU' SEMPERA SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA KEBANGSAAN 2024	10
EKSPEDISI PAYA BAKAU DAN PLASTIC BUSTER, PULAU TUBA, LANGKAWI SEMPERA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) TAHUN 2024	11
KARNIVAL LESTARI ALAM SEKITAR SEMPERA HARI ALAM SEKITAR NEGARA	12
SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN 2024)"ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"	13-15
PERASMIAN DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR (DAS) ANTARA IPT KE-30	16-17
THE COMBINED 13TH MEETING OF THE CONFERENCE OF THE PARTIES (COP13) TO THE VIENNA CONVENTION FOR THE PROTECTION OF THE OZONE LAYER & THE 36TH MEETING OF THE PARTIES (MOP36) TO THE MONTREAL PROTOCOL ON SUBSTANCES THAT DEplete THE OZONE LAYER	18

NOVEMBER 2024

SESI LIBAT URUS KAJIAN PENGURUSAN DAN PENGUMPULAN DATA INVENTORI BAHAN KIMIA INDUSTRI PERSISTENT ORGANIC POLLUTANTS (POPS) SELARAS DENGAN KONVENSYEN STOCKHOLM	19
AKTIVITI INTERAKTIF BERSAMA MEDIA DI SK BUKIT MUTIARA: MENYEMAI KELESTARIAN ALAM	20
PEMBUDAYAAN GENERASI LESTARI SEBAGAI SATU BUDAYA HIDUP DI SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT MUTIARA, JOHOR BAHRU	21
MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 3/2024	22
JABATAN ALAM SEKITAR MELAKSANAKAN OPS GERAK SERENTAK DI SELURUH MALAYSIA, USAHA MENGEKANG PENINGKATAN PENCEMARAN UDARA	23
MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN ISU-ISU PERANCANGAN DAN ALAM SEKITAR ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMALAYSIA)	24
PROGRAM SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG (SANTUNI MADANI) OLEH JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA	25
MESYUARAT LAWATAN MUHIBAH TAHUNAN MALAYSIA DAN SINGAPURA (MSAEV) YANG KE-33	26
MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA MALAYSIA-SINGAPURA MENGENAI ALAM SEKITAR KE-35 (MSJCE)	27

DISEMBER 2024

MESYUARAT DUA HALA BAGI KETETAPAN BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERLOMBONGAN DAN KUARI DI MALAYSIA ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)	28
JAS MENJALANKAN PEMANTAUAN KES PELUPUSAN HARAM SISA INDUSTRI YANG DISYAKI BUANGAN TERJADUAL DI BUKIT PELANDOK, NEGERI SEMBILAN	29
LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK RECLAMATION & DREDGING WORKS FOR PENANG SOUTH RECLAMATION (PSR), PENANG ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN, JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT	30
PERHIMPUNAN BULANAN JAS	31-32
MESYUARAT COM-19 BAGI PERJANJIAN ASEAN MENGENAI JEREBU MERENTAS SEMPADAN (AATHP)	33

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS

34-38

WORD PUZZLE

39

PRAKATA KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR



Alhamdulillah,

Syukur ke hadrat Illahi di atas kejayaan Jabatan Alam Sekitar menerbitkan e-Buletin JAS Bilangan 4 Tahun 2024 bagi melaporkan program dan aktiviti sepanjang Oktober sehingga Disember 2024.

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 19 - 21 Oktober 2024 di Langkawi, Kedah. Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Kedah telah memperkenan untuk merasmikan majlis sambutan di Hotel Park Royal, Langkawi, Kedah dan turut dihadiri oleh DYTM Raja Puan Muda Kedah. Beberapa anugerah telah disampaikan semasa Majlis Perasmian tersebut iaitu Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar (ALKAS), Anugerah SLAAS dan Anugerah Media Cakna Alam Sekitar bertujuan untuk memartabatkan komitmen semua pihak di dalam melestarikan alam sekitar.

Di samping program kesedaran, aktiviti penguatkuasaan, pembangunan, dan pengawasan juga telah dilaksanakan dengan penuh berhemah sepanjang tahun ini. Kesungguhan warga JAS dalam melaksanakan pelbagai program dalam memenuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 amat saya hargai. Saya percaya, tahun 2025 akan memberikan penuh cabaran kepada warga JAS untuk terus menunjukkan komitmen yang tinggi demi kelestarian alam sekitar.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat terutama barisan editorial dalam menerbitkan 4 siri e-Buletin Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2024.

Akhir kata, semoga e-Buletin Edisi 2025 akan mengengahkan pelbagai skop dan bidang tugas-tugas JAS di samping melaporkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar



POTENTIAL ECOLOGICAL AND HUMAN HEALTH RISKS OF HEAVY METALS IN SURFACE SOILS ASSOCIATED WITH IRON ORE MINING IN PAHANG, MALAYSIA

Malaysia has a long history of iron ore mining since the 1960's and was once known as one of the largest iron producers in South-East Asia. Until 2012, iron ore mining leads other major minerals production in Malaysia with 10.7 Mt of iron mined. As in 2013, there were about 98 iron ore mines operating in Malaysia scattered around the states of Pahang, Johor, Perak and Terengganu (Britannia Mining, 2013). Most of the ore were exported to China and India whilst the local use of the iron ore was mainly for cement, piping and steel industries. In 2013, Pahang remained as the top producer for iron ore mining in the country. Mining industry in this state continued to strengthen due to the on-going demand for iron ore especially from China (Majid et al., 2013).

Despite this, environmental impact as a result of the mining operations has often been associated with heavy metal contamination in surface or groundwater and the impacted mine tailings. Even long after cessation of the mining activities, physically altered forms of soils such as mine overburden, and the resulting wasteland or derelict land remain for many decades. Upon exposure to the environment such as through chemical reactions with interacting substances, contaminants may continue to release into surface or groundwater and into soil.

Soils contaminated with heavy metals may pose very dangerous effects to human health and the environment. Contaminants impairing the soils from iron ore mining activities may include acidity (in the case of acidic mine drainage), and heavy metals such as iron, copper, zinc, lead and metalloid arsenic (Taylor, 1971). The minerals and ores are chemically stable under in situ geological conditions, but when excavated and exposed to the atmosphere, the solid phases become chemically unstable (Taylor, 1971; Younger et al., 2002). The sulfide minerals associated with metal ores will dissolve when in contact with water.

Exposure of the sulfur containing rocks to atmospheric oxygen during mining operations produces acid mine drainage. Thus, the concentrations and potential ecological impacts of heavy metals in soils are important reference indicator to water quality (Chen et al., 2007; Sheela et al., 2012; Kusin, 2013; Kusin et al., 2016). Sulfuric acid and metal acidity are generated and can accentuate metal mobilization and bioavailability into surface and groundwater (Younger et al., 2002), so as can contaminate the soil.

Heavy metal becomes a source of soil pollution as the elements can remain for a long time and contaminate the soil. The accumulation of heavy metal in soil will lead to contamination that may affect the human health (Praveena et al., 2015; Olawoyin et al., 2012; Luo et al., 2012). The accumulation of heavy metal in soil can be transferred into human body by various pathways such as dermal contact, soil ingestion and inhalation of soil dust (Luo et al., 2012; Guo et al., 2012).



The contamination of heavy metal not only threatens the health of human but it also degrades the quality of atmosphere, surface water, ground water, soil and food crops (Jarup, 2003). Elements that are considered as carcinogens may lead to diseases related to kidney, blood, cardiovascular and bone disease (Jarup, 2003). Excessive intake of metals such as Pb can damage the nervous, enzymatic, and immune system of those who expose to it. Chronic exposure of As and Cd can lead to adverse effects to an individual such as kidney dysfunction, dermal lesion, skin cancer and hypertension (Zhuang et al., 2009). The environmental risk due to these metals and metalloid has also been reported in many studies (e.g. Yi et al., 2011; Praveena et al., 2015; Mamat et al., 2016; Zhang et al., 2016; Lei et al., 2016) considering the toxicological impact of the metal elements on the environment.

In the study conducted by Diami et al, 2016 found that heavy metal (and metalloid) concentrations in the surface soil of an active iron ore mining site were found to be in the order of Fe>Mn>Cu>Zn>Co>Pb>Cr>As>Ni>Cd. Whilst in abandoned iron ore mining site, the mean concentrations followed the order of Fe>Mn>Zn>Cu>Co>Pb>Cr>As>Ni>Cd. As anticipated, Fe and Mn were found in high concentration in the soils because they are among the major elements in most soils (Iqbal and Shah, 2014). In view of iron ore mining, heavy metals such as Cu and Zn and metalloid As have been reported to be present in the main iron orebody in Pahang (Taylor, 1971). The study reported that the distributions of Cu were mainly attributed to covellite (CuS), chalcocite (Cu₂S) and native copper (Cu) replacing the chalcopyrite (CuFeS₂). Zn on the other hand, was not known of its precise form but the zinc may be present as a molecular substitute for iron in the chlorite, which appears to be derived from the weathering of limonite (iron ore consisting of a mixture of hydrated iron (III) oxide-hydroxides), whilst small amount of As occurred in the massive limonite ore (Taylor, 1971). The presence of As is associated with the weathering of arsenopyrite which is among the main sulphide phase in the ore deposit.

Therefore, it was proven by study that heavy metals such as Fe, Mn, Cu, Zn, Co, Pb, Cr, Ni, Cd and metalloid As were present in the mining soil. Cu was found exceeding the soil guideline value at all active and abandoned mining areas, whilst Pb and Co exceeded the guideline value at in certain mining locations. Other metal elements were found within the recommended soil guideline values. There was a study that estimate the potential human health exposure to both adult and children. It was found that there is no significant risk of non-carcinogenic health effect to both children and adults as the hazard index (HI) were all below than 1. The total carcinogenic risks, i.e lifetime cancer risk (LCR) indicated that As has greater potential carcinogenic risk compared to other metals that may induce carcinogenic effect such as Pb, Cr and Cd. The LCR of As for children fell within tolerable range for regulatory purposes i.e., 1.0E-06 - 1.0E-04. Other metals were found far below the acceptable threshold value of 1.0E-04. Regardless of the carcinogenic or non-carcinogenic risk, considerably greater potential health risk was found among children (by an order of magnitude higher for most metals) compared to the adults.

References

- Carvalho, P.C., Neiva, A.M., Silva, M.M., Santos, A.C. (2016). Human health risks in an old gold mining area with circum-neutral drainage, central Portugal. *Environ Geochem Health*, DOI: 10.1007/s10653-016-9806-4
- Chen, Y.Z., Yang, H., Zhang, Z.K., Qin, M.Z., Jin, F., Lu, J.J. (2007). Application of equilibrium partitioning approach to the derivation of sediment quality guidelines for metals in Dianchi Lake. *Pedosphere*, 17(3), 284-294.
- Diami, S. M., Madzin, Z. (2016). *Iron Ore Mining Pahang*. Universiti Putra Malaysia.
- Dzick, W., Carlson, R. (2012). *Monument Mining Limited: Mengapur Project, Pahang State, Malaysia. Project No.V1165, Amended Technical Report, January 26, 2012, Vancouver Canada, 75 pp.*
- Gomez, P., Valente, T., Braga, M.A.S., Grande, J.A., de la Torre, M.L. (2016). Enrichment of trace elements in the clay size fraction of mining soils. *Environ Sci Pollut Res*, 23, 6039-6045.
- Guo, G., Wu, F., Xie, F., Zhang, R. (2012). Spatial distribution and pollution assessment of heavy metals in urban soils from southwest China. *J Environ Sci*, 24, 410-418.
- Hakanson, L. (1980) An ecological risk index for aquatic pollution control. A sedimentological approach. *Water Research*, 14(8), 975-1001.
- Iqbal, J., Shah, M.H. (2014). Occurrence, risk assessment, and source apportionment of heavy metals in surface sediments from Khanpur Lake, Pakistan. *Journal of Analytical Science and Technology*, 5, 28-32.
- Khan, S., Cao, Q., Zheng, Y.M., Huang, Y.Z., Zhu, Y.G. (2008). Health risks of heavy metals in contaminated soils and food crops irrigated with wastewater in Beijing, China. *Environmental Pollution*, 152, 686-692.
- Kusin, F.M. (2013). A review of the importance of hydraulic residence time on improved design of mine water treatment systems. *World Applied Sciences*, 26(10), 1316-1322.
- Lee, J.S., Chon, H.T., Kim, K.W. (2005). Human risk assessment of As, Cd, Cu and Zn in the abandoned metal mine site. *Environmental Geochemistry and Health*, 27(2), 185-191.
- Lee, S.W., Lee, B.T., Kim, J.Y., Kim, K.W., Lee, J.S. (2006). Human risk assessment for heavy metals and As contamination in the abandoned metal mine areas, Korea. *Environmental Monitoring and Assessment*, 119(1-3), 233-244.
- Lei, P., Zhang, H., Shan, B., Lv, S., Tang, W. (2016). Heavy metals in estuarine surface sediments of the Hai River Basin, variation characteristics, chemical speciation and ecological risk. *Environ Sci Pollut Res*, DOI 10.1007/s11356-016-6059-9.
- Li, Z., Ma, Z., Kuijip, T.J., Yuan, Z., Huang, L. (2014). A review of soil heavy metal pollution from mines in China: pollution and health risk assessment. *Sci of the Total Environment*, 486-469.

REVIEWER:**AMIRAH SYAZWANI BINTI MAZLAN (amirah@doe.gov.my)**

SESI LIBAT URUS BAGI PROJEK RMK-12: PEMANTAPAN PELAKSANAAN PENILAIAN ALAM SEKITAR DI MALAYSIA



19 SEPTEMBER 2024, PUTRAJAYA - Satu (1) Sesi Libat Urus bagi Pemantapan Pelaksanaan Penilaian Alam Sekitar Di Malaysia telah berlangsung di Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat. Sesi libat urus ini melibatkan dua (2) pasukan Kajian di bawah Rancangan Malaysia ke-12 iaitu Kajian Penggubalan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 20xx dan juga Kajian Bagi Pengenaan Fi Berkaitan Dengan Pemprosesan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (Environmental Impact Assessment , EIA) serta turut dihadiri oleh Penasihat Undang-Undang Jabatan dan juga pegawai-pegawai bahagian JAS Ibu Pejabat. Sesi libat urus ini dipengerusikan oleh Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar.

Sesi libat urus ini merupakan platform bagi pertemuan dua (2) pasukan kajian dalam memastikan bahawa terma-terma perundangan yang sedang dikaji dan dicadangkan adalah selaras dengan hala tuju Jabatan khususnya dalam hal-hal yang melibatkan pengenaan fi, bon dalam tadbir urus pelaksanaan EIA di Malaysia.

Dengan adanya sesi libat urus yang melibatkan dua pasukan kajian di bawah Rancangan Malaysia ke-12, Jabatan dapat menambah baik lagi pelaksanaan EIA di Malaysia.

Jabatan berharap kajian-kajian yang dijalankan ini dapat menambah nilai pengurusan alam sekitar yang lebih cekap untuk kesejahteraan semua pihak.

LIBAT URUS SIRI 2 BAGI PROJEK RMK 12: PENGGUBALAN PERATURAN- PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 20XX

3 OKTOBER 2024, PUTRAJAYA – Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah mengadakan Libat Urus Siri 2: Penggubalan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 20xx pada 3 Oktober 2024 di Dorsett Putrajaya.



Libat urus telah dipengerusikan oleh YBr. Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat dihadiri seramai 40 peserta dari ahli Jawatankuasa Pemandu, JAS Negeri, bahagian-bahagian JAS Ibu Pejabat, Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan perunding yang dilantik bagi kajian penggubalan Peraturan EIA iaitu Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. Libat urus tersebut diadakan untuk mendapatkan input daripada MPC berkaitan penyediaan Regulatory Impact Assessment, RIA dan dokumen Regulatory Impact Statement, RIS sebagai salah satu objektif kajian. Kajian ini telah bermula sejak April 2023 dan dijangka akan tamat pada Mei tahun 2025. Beberapa siri bengkel dan libat urus telah diadakan sepanjang tahun 2024 iaitu Bengkel Siri 1 pada 21-23 Februari 2024, Bengkel Siri 2 pada 17-18 April 2024, Bengkel Siri 3 pada 24-26 Jun 2024, Bengkel Siri 4 pada 26-28 Ogos 2024 dan Libat Urus Siri 1 pada 2 September 2024 dengan penyertaan pihak berkepentingan yang berkaitan. Objektif kajian ini adalah untuk membentuk kajian dokumen Analisis Impak (Regulatory Impact Statement, RIS) PPKAS EIA 20xx yang memenuhi kehendak pihak MPC dan membentuk draf PPKAS EIA 20xx di bawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebagai punca kuasa yang jelas kepada perkara-perkara yang melibatkan pemprosesan Laporan EIA dan penguatkuasaan syarat kelulusan EIA.

Rumusan daripada libat urus ini, banyak isu yang dibangkitkan dan dibincangkan berkaitan penyediaan RIA dan cadangan penambahbaikan draf Peraturan EIA serta skop-skop dalam kajian bagi penggubalan Peraturan EIA 20xx. Hasil input ini dikumpulkan untuk diambilkira bagi pengemaskinian draf PPKAS EIA 20xx dan dokumen RIS oleh Perunding yang dilantik.





JABATAN ALAM SEKITAR DAN DAIKIN MEMACU KESEDARAN IKLIM DENGAN PELANCARAN 'SUSTAINABLE YOU' SEMPERNA SAMBUTAN HARI OZON SEDUNIA KEBANGSAAN 2024

9-11 OKTOBER 2024, KLCC - Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2024 di International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM), Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Tema sambutan pada tahun ini adalah "Montreal Protocol: Advancing Climate Action". Majlis pelancaran telah diadakan pada hari terakhir program pada 11 Oktober 2024 dan telah disempunakan oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program ini seperti pameran, pocket talk dan pelancaran buku dengan kerjasama bersama pihak industri dan United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia. Sepanjang program ini, anggaran seramai 1,000 pengunjung telah melawat booth pameran.



Daikin Malaysia, dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS), telah melancarkan buku Sustainable You sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia 2024, dengan tema tahun ini "Protokol Montreal: Memajukan Tindakan Iklim," yang telah dilancarkan oleh Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

JAS sentiasa menyokong pihak industri dalam usaha menyampaikan mesej yang jelas kepada masyarakat sebagaimana usaha yang telah dijalankan oleh Daikin untuk melindungi alam sekitar dan bersedia menyumbang kepakaran dalam strategi pengurangan karbon serta isu-isu alam sekitar yang kritikal yang merupakan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Jabatan, Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.



Kolaborasi bersama pihak Daikin dalam projek ini menyasarkan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia dalam membudayakan kelestarian di Malaysia. Ini antara CSR yang lebih luas oleh Daikin, pelancaran buku ini juga menegaskan komitmen industri terhadap pemeliharaan alam sekitar dan tanggungjawab sosial. Usaha yang dijalankan oleh Daikin juga merupakan antara langkah penyelesaian teknologi inovatif dan inisiatif pendidikan bagi membantu mengurangkan impak pencemaran kepada alam sekitar. Buku ini juga menyediakan langkah-langkah praktikal yang boleh diambil di setiap peringkat, daripada perubahan gaya hidup individu hingga usaha komuniti. Buku ini juga akan diedarkan melalui sekolah-sekolah, pusat-pusat belia, serta platform dalam talian untuk diakses oleh rakyat Malaysia.



Satu sesi pembentangan pocket talk turut disampaikan oleh Dato' Azizulhasni bin Awang mengenai buku 'Sustainable You'. Sambutan pada kali ini diakhiri dengan program pocket talk, yang merangkumi mesej daripada Inger Anderson, Pengarah Eksekutif United Nations Environment Programme (UNEP), bicara santai bertajuk Montreal Protocol: Advancing Climate Action daripada Dr. Norhazni, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS, HCFC Phase-Out Management Plan Stage III oleh wakil JAS dan Alternatif teknologi oleh pensyarah dari UNiKL.

EKSPEDISI PAYA BAKAU DAN PLASTIC BUSTER, PULAU TUBA, LANGKAWI SEMPENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) TAHUN 2024

17 OKTOBER 2024 , LANGKAWI KEDAH - Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan satu program ekspedisi bakau dan plastic buster sempena Hari Alam Sekitar Negara 2024 pada 17 Oktober 2024 di Selat Bagan Nyior, Pulau Tuba, Langkawi dengan JAS Kedah sebagai tuan rumah.

Objektif program adalah untuk menikmati keindahan hutan paya bakau yang merupakan salah satu flora yang penting di kawasan pesisir, memainkan peranan yang kritikal dalam menjaga ekosistem pantai. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai benteng melindungi kawasan daratan daripada hakisan, tetapi juga menyediakan habitat bagi pelbagai spesies hidupan marin.

Selain itu, juga program plastic buster turut dijalankan sepanjang persisir pantai dan paya bakau bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesan negatif plastik terhadap alam sekitar.

Seramai 90 orang yang terdiri daripada Jabatan Perhutanan Malaysia, Indah Water Konsortium (IWK), E-Idaman, Agensi Swasta dan penduduk tempatan. Program ini dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah, Puan Sharifah Zakiah binti Syed Sahab. Program ini juga turut hadir oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar, Ibu Pejabat Putrajaya.



KARNIVAL LESTARI ALAM SEKITAR SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA

19-20 OKTOBER 2024, DATARAN PANTAI CENANG LANGKAWI - Karnival Lestari Alam Sekitar sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN 2024) merupakan satu penganjuran oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang merupakan satu program yang dirancang dan dilaksanakan untuk menyemarakkan kecintaan terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Antara aktiviti sisipan adalah pengumpulan e-waste, pameran agensi, petting zoo dan pemeriksaan kesihatan.

Karnival telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES dan turut diiringi oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar. Karnival turut dihadiri oleh YB Tuan Haji Mohamad Yusoff @ Munir bin Zakaria Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar Negeri Kedah dan Encik Mohamad Subhi Bin Abdullah, Pegawai Daerah Langkawi dan Ketua-ketua Jabatan, Agensi dan wakil.

Karnival ini turut menyaksikan penyampaian penerima anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) sesi 2023/2024 Peringkat Kebangsaan kepada 30 sekolah yang menang dalam pelbagai kategori.



SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2024 DENGAN TEMA "ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



21 OKTOBER 2024, KEDAH - Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2024 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 19 – 21 Oktober 2024 di Langkawi, Kedah. HASN 2024 Peringkat Kebangsaan telah dimulakan dengan Karnival Lestari Alam Sekitar pada 19 & 20 Oktober 2024 di Dataran Cenang, Langkawi. Pelbagai program menarik bertemakan alam sekitar telah dilaksanakan seperti pengumpulan e-waste, pertandingan mewarna batik, permainan dam ular alam sekitar, pameran agensi, petting zoo, pemeriksaan kesihatan, senam seni, Enviro Hunt dan bola tampar pantai. Majlis Perasmian Karnival Lestari Alam Sekitar telah diadakan pada 20 Oktober 2024 dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, YB Tuan Haji Mohamad Yusoff @ Munir bin Zakaria, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar Negeri Kedah dan Encik Mohamad Subhi bin Abdullah, Pegawai Daerah Langkawi.





Dianggarkan kehadiran bagi karnival adalah seramai 300 orang dan hadirin disajikan dengan persembahan bicara berirama daripada Sekolah Kebangsaan (SK) Raja Perempuan, Ipoh, Perak yang merupakan juara bagi Pertandingan Bicara Berirama sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2024 yang disambut pada 5 Jun yang lepas. Majlis turut menyaksikan penyampaian penerima Anugerah Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2023/2024 Peringkat Kebangsaan melibatkan sebanyak 28 buah sekolah yang telah terpilih sebagai penerima dalam pelbagai kategori.

Kemuncak bagi sambutan HASN 2024 Peringkat Kebangsaan adalah Majlis Perasmian HASN 2024 yang telah diadakan di Hotel Park Royal, Langkawi, Kedah. Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Kedah telah memperkenan untuk merasmikan majlis sambutan ini dan turut dihadiri oleh DYTM Raja Puan Muda Kedah. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh YB Nik Nazmi bin Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar.

HASN 2024 masih mengekalkan tema “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama” dan memartabatkan komitmen semua pihak di dalam melestarikan alam sekitar melalui penyampaian anugerah. Anugerah yang telah disampaikan semasa Majlis Perasmian HASN 2024 Peringkat Kebangsaan adalah Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar (ALKAS), Anugerah SLAAS dan Anugerah Media Cakna Alam Sekitar.



ALKAS adalah anugerah yang diberikan kepada individu dan organisasi yang telah memberi sumbangan signifikan terhadap kelestarian alam sekitar. Bagi sesi 2023/2024, ALKAS kategori individu telah dianugerahkan kepada Puan Jennifer Asing manakala bagi kategori organisasi pula telah dianugerahkan kepada Tenaga Nasional Berhad. Selain daripada itu, Majlis Daerah Beaufort telah dianugerahkan Penghargaan Khas Panel atas usaha yang sangat memberangsangkan dalam melestarikan alam sekitar.



Anugerah SLAAS adalah satu program dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan didokong oleh Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM dalam menerapkan komponen pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan warga sekolah. Penerima Anugerah SLAAS bagi sesi 2023/2024 masing-masing bagi kategori sekolah rendah dan sekolah menengah adalah Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara, Johor dan Sekolah Menengah St. Patrick, Tawau, Sabah.

Media memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan membentuk pandangan masyarakat terhadap isu-isu alam sekitar dan usaha-usaha di dalam menyelesaikannya. Anugerah Media Cakna Alam Sekitar diberikan sebagai penghargaan kepada pengamal media atas usaha mengenengahkan isu-isu alam sekitar ini seterusnya menarik perhatian bagi usaha-usaha penyelesaian. Anugerah Media Cakna Alam Sekitar ini dianugerahkan kepada Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) bagi kategori kolaborasi lintas platform, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) bagi kategori penulisan cakna alam sekitar dan SINAR HARIAN bagi kategori media suara masyarakat lestari.

Sambutan tahunan ini diharapkan dapat menyebar luas informasi berkaitan alam sekitar kepada seluruh rakyat Malaysia dan seterusnya membudayakan gaya hidup yang lestari. Sokongan dan usaha daripada semua pihak adalah sangat penting bagi memastikan alam ini diwarisi kepada generasi seterusnya.

PERASMIAN DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR (DAS) ANTARA IPT KE-30



28 OKTOBER 2024, PUTRAJAYA - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Pertandingan Debat Alam Sekitar antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Ke-30 yang menyaksikan pertandingan kali ini, mengupas isu yang lebih kritis berhubung pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 dalam menilai kredibiliti pelajar untuk membincangkan berkenaan isu-isu yang diketengahkan seiring pindaan akta ini.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar yang menyaksikan keterlibatan 30 IPT yang bersaing dalam pertandingan. Selain dari itu majlis turut menyaksikan pelancaran buku Suara Intelektual : Tiga Dasawarsa Debat Alam Sekitar yang membuktikan komitmen berterusan Kementerian memperkasakan pembudayaan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat melalui pelbagai aspek.



Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata beliau percaya pentingnya penglibatan golongan muda dalam menangani cabaran berhubung alam sekitar, "platform sebegini merupakan ruang bagi pelajar untuk menyuarakan pandangan mereka dalam membantu mencorakkan masa depan yang lebih mampan. Kami yakin melalui debat ini, pemahaman yang mendalam serta idea-idea segar dapat dikongsi dan diaplikasikan untuk manfaat negara."

Debat Alam Sekitar, salah satu pertandingan debat tertua di negara ini, terus mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kerjasama kolektif ini membolehkan pelbagai IPT menjadi tuan rumah pertandingan setiap tahun. Pada tahun ini, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) sekali lagi memperlihatkan komitmennya sebagai tuan rumah buat kali kedua. Penganjuran ini turut melibatkan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Yayasan Canselor UNITEN (YCU) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) sebagai Rakan Kerjasama penganjuran.

THE COMBINED 13TH MEETING OF THE CONFERENCE OF THE PARTIES (COP13) TO THE VIENNA CONVENTION FOR THE PROTECTION OF THE OZONE LAYER & THE 36TH MEETING OF THE PARTIES (MOP36) TO THE MONTREAL PROTOCOL ON SUBSTANCES THAT DEplete THE OZONE LAYER

28 OKTOBER 2024, THAILAND - The Combined 13th Meeting Of The Conference Of The Parties (COP13) To The Vienna Convention For The Protection Of The Ozone Layer & The 36th Meeting Of The Parties (MOP36) To The Montreal Protocol On Substances That Deplete The Ozone Layer telah diadakan di Bangunan Bangsa-bangsa Bersatu, Bangkok, Thailand pada 28 Oktober hingga 30 Oktober untuk Preparatory Segment dan 31 Oktober hingga 1 November 2024 untuk High Level Segment.

Delegasi Malaysia yang mengetuai mesyuarat pada kali ini adalah YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim, Ketua Setiausaha NRES. Beliau telah menyampaikan kenyataan negara yang antara lain memaklumkan pencapaian Malaysia dalam pelaksanaan Hydrofluorocarbon (HCFC) Phase-Out Management Plan (HPMP), dan perkembangan terkini pelaksanaan Kigali Implementation Plan (KIP) Malaysia bagi pengurangan penggunaan hidrofluorokarbon (HFC). Kenyataan beliau juga telah menyeru agar bantuan teknikal dan kewangan kepada negara membangun termasuk Malaysia dapat diteruskan bagi memastikan pelaksanaan berterusan obligasi di bawah Protokol Montreal.



Mesyuarat ini turut dihadiri bersama oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS). Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Bureau Mesyuarat ke-36 MOP kepada Protokol Montreal (mewakili rantau Asia dan Pasifik).

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Pengurusan Alam Sekitar (BPAS), NRES dan Seksyen Perlindungan Ozon, JAS.

Dalam rangka kerja rasmi ini, delegasi Malaysia turut mengadakan Mesyuarat Dua Hala bersama World Bank, United Nations Environment Programme (UNEP) dan United Nation Development Programme (UNDP).



SESI LIBAT URUS KAJIAN PENGURUSAN DAN PENGUMPULAN DATA INVENTORI BAHAN KIMIA INDUSTRI PERSISTENT ORGANIC POLLUTANTS (POPS) SELARAS DENGAN KONVENSYEN STOCKHOLM

4 NOVEMBER 2024, SELANGOR - Di bawah Rancangan Malaysia ke-12, JAS telah menjalankan satu kajian bertajuk 'Kajian Pengurusan Dan Pengumpulan Data Inventori Bahan Kimia Industri Persistent Organic Pollutants (POPS) Selaras Dengan Konvensyen Stockholm'. Seksyen EHS, Bahagian Bahan Berbahaya, JAS telah mengadakan satu sesi libat urus bagi kajian ini pada 4 November 2024, bertempat di Mardhiyyah Hotel and Suites, Shah Alam, Selangor.

Objektif sesi libat urus ini adalah untuk berkongsi status pengurusan bahan kimia industri POPs di Malaysia; membentangkan perincian untuk 18 bahan kimia industri POPs; serta mengumpul maklum balas mengenai pengurusan POPs di Malaysia daripada agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan kimia di Malaysia. Sesi ini telah dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPP) Kajian POPs; Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, NRES, Bahagian Kawalan Racun Perosak Dan Baja, Jabatan Pertanian; Bahagian Perkastaman, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri.



Wakil pihak industri yang mewakili industri kimia dan racun makhluk perosak serta NGO juga turut dijemput menyertai sesi libat urus ini, antara yang terlibat adalah Chemical Industries Council of Malaysia (CICM) dan Malaysia CropLife & Public Health Association (MCPA) dan ENSEARCH.

Sesi libat urus ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya, JAS iaitu Tuan Ts. Azlan bin Ahmad. Hasil daripada sesi libat urus ini, JAS dan pasukan kajian telah berjaya membentangkan laporan kemajuan kajian kepada pihak agensi dan industri serta mendapatkan input-input yang akan digunapakai di dalam pelaksanaan 'Kajian Pengurusan Dan Pengumpulan Data Inventori Bahan Kimia Industri Persistent Organic Pollutants (POPS) Selaras Dengan Konvensyen Stockholm' ini. Hasil kajian ini kelak akan digunakan sebagai input negara ke arah meratifikasi Konvensyen Stockholm bagi memenuhi obligasi yang digariskan di bawahnya.

AKTIVITI INTERAKTIF BERSAMA MEDIA DI SK BUKIT MUTIARA: MENYEMAI KELESTARIAN ALAM



5 NOVEMBER 2024, JOHOR BAHRU - Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar bersama warga kerja Jabatan Alam Sekitar turut berkongsi beberapa aktiviti bersama Pemenang Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) 2023/2024, SK Bukit Mutiara yang melibatkan aktiviti interaktif bersama media yang turut melibatkan pelajarannya. Antara program menarik yang dijalankan ialah Sesi Penanaman "Kokedama", atau "bola lumut," iaitu teknik tradisional Jepun yang menanam tumbuhan dalam bola tanah yang dibalut dengan sabut tanpa menggunakan pasu. Kaedah ini memperkenalkan elemen estetik minimalis yang bersatu dengan alam.

Selain itu, aktiviti bersama pelajar turut melibatkan demonstrasi "Mutiara Plant Starter Kit," yang memberi mereka ruang untuk mengaplikasikan teori sains dan RBT secara langsung melalui kaedah penanaman mudah. Projek ini telah berjaya menanam minat murid dalam bidang pertanian, dengan penjualan hampir 1,000 set kepada orang ramai.

SK Bukit Mutiara turut berkongsi projek inovatif mereka, "Mutiara Aquascape Aquaponic," yang memanfaatkan sistem akuaponik sebagai kaedah lestari untuk mengurangkan pencemaran air. Projek ini mampu menghasilkan tanaman sayur-sayuran berkualiti melalui teknik hidroponik, memperkenalkan pelajar kepada pertanian moden yang mesra alam dan berpotensi untuk masa depan.





PEMBUDAYAAN GENERASI LESTARI SEBAGAI SATU BUDAYA HIDUP DI SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT MUTIARA, JOHOR BAHRU

5 NOVEMBER 2024, JOHOR BAHRU - Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan program bersama SK Bukit Mutiara di Johor Bahru yang merupakan pemenang Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) 2023/2024. Program bersama media ini merupakan program yang dirangka dalam menyebarkan maklumat berhubung fungsi dan peranan Jabatan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini yang telah memasuki kitar kesembilan penganjurannya merupakan program yang dilaksanakan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Inisiatif berimpak tinggi ini bertujuan melatih murid untuk menghayati dan mengamalkan prinsip kelestarian alam sekitar dalam kehidupan harian mereka, di tengah-tengah kawasan bandar yang padat dengan penduduk seramai 2.5 juta orang.

Menurut Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, "Kejayaan program ini mencerminkan komitmen jitu semua pihak dalam membudayakan kecintaan terhadap alam sekitar dan pendidikan." Program ini juga menyaksikan peningkatan kehadiran murid ke sekolah kepada 95% serta peningkatan hampir enam peratus dalam Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan, dan Kokurikulum (PAJSK) bagi tempoh tiga tahun terakhir di SK Bukit Mutiara".

Program yang turut dihadiri oleh Tuan Haji Mohd Hanafi bin Samad, Pengarah Pendidikan Negeri Johor, Hajah Azuri Azidah Haji Saedon Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Dr Mohd Famey bin Yusoff Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan Puan Noor Huda binti Hamid, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara serta seluruh warga SK Bukit Mutiara. Jabatan Alam Sekitar kekal komited dalam usaha penambahbaikan berterusan terhadap fungsi dan peranan mereka. Keutamaan ini diambil untuk memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan terus memenuhi jangkaan orang awam, kerana menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR BIL. 3/2024



11-14 NOVEMBER 2024, KUALA LUMPUR - Mesyuarat Pengarah-Pengarah Jabatan Alam Sekitar Bil. 3/2024 telah diadakan di Hotel Melia, Kuala Lumpur sebagai satu platform bagi membincangkan pelbagai perkara serta isu di bawah bidang kuasa Jabatan yang kini telah mencapai suku ketiga pelaksanaannya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, yang turut membincangkan dan menetapkan 'wish list' Jabatan bagi tahun 2025.

Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah-Pengarah dari Ibu Pejabat dan Negeri, yang turut membentangkan pencapaian terkini serta isu-isu yang memerlukan perbincangan lanjut di peringkat Pengurusan Tertinggi JAS. Melalui pertemuan bersama Pengurusan Tertinggi ini, Ketua Pengarah menzahirkan amanat dan harapan agar kepimpinan Jabatan dapat memperkukuhkan usaha memupuk budaya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Hal ini penting bagi mencapai matlamat kelestarian alam sekitar, memantau prestasi, serta mengekalkan komitmen Jabatan dalam melindungi alam sekitar dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap tanggungjawab bersama untuk memastikan kesejahteraan alam sekitar.





13 NOVEMBER 2024, PUTRAJAYA - Ops Gerak Kenderaan Bermotor Peringkat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) hari ini telah diadakan secara serentak di seluruh Malaysia. Inisiatif ini bertujuan mempertingkatkan penguatkuasaan pemeriksaan kenderaan bermotor dalam memastikan pematuhan terhadap standard pelepasan asap dan gas yang ditetapkan.

Operasi bersepadu yang diketuai oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dan turut disertai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam), Datuk Nor Yahati Awang antara lain memberi fokus terhadap usaha untuk memastikan asap kenderaan tidak menyumbang kepada masalah pencemaran udara setempat, khususnya di bandar-bandar besar.

Ops Gerak hari ini yang melibatkan pemeriksaan terhadap 674 buah kenderaan dan secara kumulatif sehingga suku tahun ketiga bagi 2024 telah mencatatkan jumlah pemeriksaan kepada 335,648 buah kenderaan yang telah diperiksa oleh JAS. Pemeriksaan ini turut melibatkan sebanyak 1,123 tawaran kompaun dan 82 Perintah Larangan telah dikeluarkan atas kesalahan pelepasan bahan pencemar melebihi standard. Penguatkuasaan oleh JAS adalah tertakluk di bawah beberapa peraturan seperti Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Enjin Petrol 1996, Bunyi Bising Kenderaan Motor 1987, dan Pelepasan Daripada Motosikal 2003.

JABATAN ALAM SEKITAR MELAKSANAKAN OPS GERAK SERENTAK DI SELURUH MALAYSIA, USAHA MENGEKANG PENINGKATAN PENCEMARAN UDARA



Ops Gerak Kebangsaan ini melibatkan kerjasama empat agensi penguatkuasa: Jabatan Alam Sekitar, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan turut mendapat sokongan daripada Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad.


MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN ISU-ISU PERANCANGAN DAN ALAM SEKITAR ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMALAYSIA)



15 NOVEMBER 2024, PUTRAJAYA - Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Isu-Isu Perancangan Dan Alam Sekitar Antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) Dan PLANMalaysia yang dipengerusikan bersama oleh YBrs. Tn Hj Shafe'ee bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS dan YBrs TPr. Tn Hj Hassan bin Yaakob, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) PLANMalaysia yang telah berlangsung di JAS Ibu Pejabat. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri kedua-dua agensi JAS dan PLANMalaysia secara hibrid iaitu kombinasi fizikal dan dalam talian.

Mesyuarat ini merupakan platform bagi JAS dan PLANMalaysia membincangkan isu-isu semasa mengenai perancangan, alam sekitar dan turut membincangkan isu bagi penambahbaikan pelaksanaan proses kerja berhubung dengan pengurusan dan penilaian kepada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

JAS dan PLANMalaysia berharap mesyuarat dua hala ini dapat diteruskan secara berkala dalam memastikan kedua-dua agensi dapat melaksanakan fungsi dan peranan sebaiknya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



PROGRAM SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG (SANTUNI MADANI) OLEH JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA



23 NOVEMBER 2024 - KAMPUNG LINGGI, NEGERI SEMBILAN - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat dengan kerjasama JAS Negeri Sembilan dan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK), Kg Linggi serta agensi- agensi lain telah menjayakan program Santuni Madani 2024.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Mohd Faizal bin Ramli, ADUN Linggi merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Warisan, Teknologi, Inovasi dan Digital, Negeri Sembilan. Yang turut hadir ialah YBhg Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar serta beberapa orang pegawai kanan JAS.

Program ini merupakan satu kaedah meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan penduduk di kampung terpilih.

Seramai lebih kurang 250 orang awam dan agensi kerajaan serta murid-murid tadika dan sekolah telah hadir memeriahkan program ini. Mereka juga turut menyertai aktiviti-aktiviti yang telah diatur seperti pertandingan mewarna, gotong royong Madani, advokasi e-waste, demonstrasi ujian bunyi bising motosikal dan pemberian bantuan Madani.

Melalui program ini juga diharapkan masyarakat terus peka mengenai isu alam sekitar dan membudayakan gaya hidup yang lestari



27 NOVEMBER 2024, SINGAPURA – Mesyuarat MSAEV ke-33 telah diadakan di antara kedua-dua negara di Singapura. Tujuan MSAEV dilaksanakan bagi menzahirkan komitmen bersama di antara kedua-dua negara untuk bekerjasama dalam memelihara alam sekitar di dalam dan sekitar perairan Selat Johor.

Mesyuarat MSAEV ke-33 ini telah dipengerusikan bersama oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Pn. Grace Fu, Menteri Kemampanan dan Sekitaran, Singapura.

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad terdiri daripada Ketua Setiausaha, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta kementerian, jabatan dan agensi lain yang berkaitan.

Pada Mesyuarat MSAEV ke-33, kehadiran delegasi JAS telah diwakili oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar selaku ketua delegasi JAS turut hadir bersama Pn. Rohimah Ayub, Pengarah, Bahagian Penilaian, Dr. Mohd Famey Yusoff, Pengarah JAS Negeri Johor, Pn. Nabilah Fatim daripada Seksyen Dasar, Bahagian Penilaian dan Pn. Karen Chung, Seksyen Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Komunikasi Strategik.

Semasa MSAEV ke-33, kedua-dua Menteri telah meneliti kemajuan yang telah dicapai oleh MSJCE ke-35 yang telah bermesyuarat pada 26 November 2024 dan bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai isu yang berkaitan dengan alam sekitar dan kelestarian terutamanya di dalam dan sekitar perairan Selat Johor.

Selain itu, program MSAEV tersebut juga diteruskan dengan lawatan bersama antara delegasi Malaysia dan Singapura di Marina Barrage, Sustainable Singapore Gallery dan Gardens by the Bay.

MESYUARAT LAWATAN MUHIBAH TAHUNAN MALAYSIA DAN SINGAPURA (MSAEV) YANG KE-33



MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA MALAYSIA-SINGAPURA MENGENAI ALAM SEKITAR KE-35 (MSJCE)

27 NOVEMBER 2024, SINGAPURA – Mesyuarat MSJCE merupakan mesyuarat dua hala (bilateral) yang diadakan secara bergilir di antara Malaysia dan Singapura bagi peringkat Kementerian untuk membincangkan dan meningkatkan persefahaman dan kerjasama erat di antara kedua-dua negara untuk mencapai matlamat bersama dalam pengurusan dan perlindungan alam sekitar.

Mesyuarat MSJCE ke-35 telah diadakan pada 26 November 2024 di Singapura selaku Tuan Rumah untuk mesyuarat kali ini. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Malaysia dan Encik Stanley Loh, Setiausaha Tetap, Kementerian Kemampunan dan Sekitaran (MSE), Singapura.

Pada Mesyuarat MSJCE ke-35, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah diwakili oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar selaku ketua delegasi JAS dan pengerusi bersama Kumpulan Kerja MSJCE (MSJCE WG) turut hadir bersama Pn. Rohimah Ayub, Pengarah, Bahagian Penilaian, Dr. Mohd Famey Yusoff, Pengarah JAS Negeri Johor, Pn. Nabilah Fatin daripada Seksyen Dasar, Bahagian Penilaian dan Pn. Karen Chung, Seksyen Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Komunikasi Strategik. Delegasi Malaysia lain yang terlibat adalah NRES selaku penyelarasa utama/ Sekretariat MSJCE, agensi di bawah Kementerian serta agensi lain.

Semasa mesyuarat MSJCE ke-35, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar telah melaporkan bagi pihak Kumpulan Kerja MSJCE (MSJCE WG) mengenai pelaporan Mesyuarat MSJCE WG ke-20 yang telah diadakan pada 4-6 September 2024 di Kota Kinabalu, Sabah berkaitan pendirian kedua-dua buah negara berhubung isu-isu alam sekitar yang melibatkan Selat Johor, tindakan kawalan pencemaran dan kualiti alam sekitar seperti kenderaan bermotor, kualiti air di perairan Selat Johor, pengurusan bahan kimia dan buangan berbahaya, hal-hal berkaitan keselamatan dan kerjasama di dalam pengurusan kecemasan dan kawalan pencemaran tumpahan minyak dan bahan kimia serta meningkatkan kerjasama pembangunan kapasiti (capacity building) melalui pusat latihan kedua-dua negara iaitu Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) dan Singapore Environment Institute (SEI).



MESYUARAT DUA HALA BAGI KETETAPAN BERHUBUNG DENGAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PERLOMBONGAN DAN KUARI DI MALAYSIA ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DAN JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)



3 DISEMBER 2024, PUTRAJAYA - Mesyuarat Dua Hala Bagi Ketetapan Berhubung Dengan Pelaksanaan Projek-Projek Perlombongan Dan Kuari Di Malaysia Antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG) yang dipengerusikan bersama oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah, JAS dan YBhg. Datuk Haji Zamri bin Ramli, Ketua Pengarah JMG yang telah berlangsung di JAS Ibu Pejabat. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri kedua-dua agensi JAS dan JMG secara hibrid iaitu kombinasi fizikal dan dalam talian.

Mesyuarat ini merupakan platform bagi JAS dan JMG membincangkan bersama isu bagi penambahbaikan pelaksanaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) serta pelaksanaan projek-projek perlombongan dan kuari di Malaysia.

JAS dan JMG berharap mesyuarat dua hala ini dapat diteruskan secara berkala dalam memastikan kedua-dua agensi dapat melaksanakan fungsi, peranan dan bidang tugas supaya saling melengkapi antara kedua-dua agensi dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.





JAS MENJALANKAN PEMANTAUAN KES PELUPUSAN HARAM SISA INDUSTRI YANG DISYAKI BUANGAN TERJADUAL DI BUKIT PELANDOK, NEGERI SEMBILAN

5 DISEMBER 2024, NEGERI SEMBILAN - YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri NRES hari ini telah turun padang membuat pemantauan di lokasi kes pelupusan haram di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan. Pemantauan yang dijalankan diketuai YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar dan turut disertai YAB Datuk Seri Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Tuan Veerapan Superamaniam, Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan serta YB Dato' Mohd Zafir Bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

Penemuan tapak pelupusan buangan terjadual, susulan aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar dan hasil siasatan mendapati terdapat sejumlah lebih kurang 800 tong drum dan IBC tank yang dipercayai mengandungi sisa kimia yang dilupuskan secara haram di kedua-dua lokasi tersebut. Keputusan analisis sampel buangan yang diperolehi daripada Jabatan Kimia Malaysia mendapati buangan yang dilupuskan secara haram tersebut disyaki terdiri daripada Cecair yang mengandungi sebatian pelarut terpakai (SW322) serta bahan-bahan pepejal dan bekas yang telah dicemari bahan kimia serta buangan terjadual (SW409). Kos pembersihan dan pelupusan dianggarkan berjumlah RM 1,169,747.94.



Pihak JAS dengan kerjasama beberapa agensi termasuk PDRM masih meneruskan siasatan untuk menjejaki pelaku dan pemilik buangan tersebut. Tindakan tegas terhadap pelaku akan diambil termasuk pendakwaan di mahkamah di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan lain-lain seksyen yang berkaitan. Di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, jika disabitkan bersalah boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM100,000.00 dan tidak melebihi RM10 juta.

LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK RECLAMATION & DREDGING WORKS FOR PENANG SOUTH RECLAMATION (PSR), PENANG ANJURAN BAHAGIAN PENILAIAN, JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT



11 DISEMBER 2024, PULAU PINANG - Seksyen Penguatkuasaan EIA, Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar telah menganjurkan lawatan kerja ke tapak projek penambakan Penang South Reclamation (PSR) di Pulau Pinang pada 11 Disember 2024 yang diketuai oleh Puan Rohimah binti Ayub, Pengarah Bahagian Penilaian.

Program ini turut melibatkan wakil daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang yang turut memantau pematuhan projek pembangunan tersebut terhadap syarat-syarat kelulusan Laporan EIA yang telah diluluskan pada 11 April 2023.

Program ini dilaksanakan bagi tujuan melihat status semasa peringkat penambakan projek tersebut yang sedang dibangunkan untuk pembangunan Penang Silicon Island (PSI) dan dan aktiviti-aktiviti di persekitaran tapak projek tersebut seperti keadaan Pantai Esen yang terletak berhadapan dengan tapak projek penambakan tersebut.

Selain daripada itu, lawatan kerja ini juga turut memberikan pendedahan secara hands-on kepada pegawai JAS dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pembangunan projek penambakan dan meneliti dengan lebih terperinci kaedah pemantauan kualiti alam sekitar yang dilaksanakan semasa peringkat pembinaan projek. Selain daripada itu ianya juga dapat memberikan nilai tambah (added value) kepada pegawai penilai Laporan EIA dan penguatkuasaan projek-projek EIA yang berkaitan dengan penambakan di badan air.

Diharapkan lawatan teknikal seperti ini dapat dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan lagi "capacity building" pegawai-pegawai JAS samaada di Bahagian Ibu Pejabat mahupun di JAS Negeri.





PERHIMPUNAN BULANAN JAS BIL. 6 TAHUN 2024



12 DISEMBER 2024, PUTRAJAYA - YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar, hari ini telah menyempurnakan Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 6 Tahun 2024 Jabatan Alam Sekitar. Dalam amanat beliau, YBhg. Dato' KPAS menyeru seluruh warga JAS agar sentiasa komited dan melihat tugas daripada dimensi yang berbeza. Beliau turut menggesa semua pihak untuk bersedia menongkah arus cabaran yang lebih besar bagi memastikan Jabatan dapat memberikan sumbangan terbaik kepada negara.

Antara pengisian utama perhimpunan kali ini termasuk:

- Penyerahan dan Pelepasan (Flag-Off) 16 Unit Kenderaan Baharu Jabatan Kenderaan ini direka khas dengan spesifikasi yang sesuai untuk menyokong operasi pasukan forensik, pasca-EIA, serta penguatkuasaan di kawasan tanah gambut.
- Simbolik Penyerahan 14 Unit Gas Analyzer for Petrol Vehicles Peralatan ini diserahkan kepada pasukan pemantauan kenderaan bermotor JAS untuk meningkatkan keberkesanan pemantauan pelepasan kenderaan bermotor.
- Penyerahan Kit Forensik Kit forensik diserahkan kepada JAS Negeri dan JAS Cawangan bagi menyokong aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan.
- Penyerahan 5 Unit Portable Particulate Sampler dan 8 Unit Multi Gas Analyzer (CEREX) Peralatan ini diserahkan untuk kegunaan operasi pemantauan kualiti udara secara lebih efektif.

Turut hadir dalam perhimpunan ini ialah YBrs. Dr. Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi); YBrs. Tuan Haji Shafe'ee Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan); Pengarah-Pengarah Bahagian; serta Pengarah-Pengarah Negeri.

Majlis ini mencerminkan komitmen JAS dalam memperkasakan keupayaan operasi serta memperkukuh usaha perlindungan alam sekitar demi masa depan yang lebih lestari.



**KOLEKSI GAMBAR
PERHIMPUNAN
BULANAN JAS
BIL. 6/2024**





MESYUARAT COM-19 BAGI PERJANJIAN ASEAN MENGENAI JEREBU MERENTAS SEMPADAN (AATHP)



17 DISEMBER 2024, PUTRAJAYA - Delegasi Malaysia telah menghadiri mesyuarat tahunan peringkat ASEAN Ke-19, Meeting of the Committee Under the Conference of the Parties (COM-19) bagi Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan (AATHP) yang diadakan di Bangkok, Thailand. Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar mengetuai delegasi Malaysia yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Bahagian Udara, JAS Ibu Pejabat, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Jabatan Meteorologi Malaysia. Dalam mesyuarat ini, Malaysia memegang peranan sebagai Timbalan Pengerusi (Vice Chairman).



Mesyuarat COM-19 ini, yang dihadiri oleh delegasi dari 10 negara ASEAN, menjadi platform utama untuk membincangkan isu jerebu merentas sempadan serta kerjasama antara negara-negara ASEAN dalam menangani masalah ini. Mesyuarat peringkat pegawai ini diikuti dengan Mesyuarat COP-19 AATHP pada 18 Disember 2024, yang merupakan mesyuarat peringkat Menteri yang diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, yang mengetuai delegasi Malaysia dan berperanan sebagai Timbalan Presiden (Vice President).

Bil.100/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Environmental Regulations and Impact Assessment

This book integrates the closely related processes of environmental impact assessment and traditional regulatory activities for managing air and water pollution and hazardous waste. It emphasizes methods of analysis along with the process of environmental planning and management. This demonstrates all of the analytic and qualitative techniques needed for effective planning and managing.

More Info : 03 -8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.101/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Air QUALITY

A NEW CHAPTER ON QUANTITATIVE METHODS ADDS AN ENGINEERING PERSPECTIVE TO THE SUBJECT AND MAKES THIS BOOK ESPECIALLY VALUABLE TO STUDENTS AND PROFESSIONALS. REVISIONS AND ADDITIONS TO THE INFORMATION ON INDOOR AIR QUALITY REFLECT THE INCREASING IMPORTANCE OF THIS MATURING SCIENCE. THE BOOK'S COMPREHENSIVE APPROACH MAKES IT VALUABLE IN MANY AREAS OF STUDY, INCLUDING ALL AREAS OF ENVIRONMENTAL SCIENCE, ENGINEERING, INDUSTRIAL HYGIENE, AND HEALTH AND SAFETY PROGRAMS.

More Info :
☎ 03 - 8926 1500
🌐 www.eimas.doe.gov.my

Bil.98/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Defending the Environment

Civil Society Strategies to Enforce International Environmental Law

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=13942>

The text emphasizes practice as well as theory, unlike works devoted exclusively to theoretical aspects of international environmental law and policy, the authors provide the what, how, when, where, and why for resolving environmental and public health problems in front of international courts, tribunals, commissions, committees, secretariats, and, at times, their domestic counterparts. This is an indispensable handbook for anyone who needs to be aware of the important legal and political strategies made available to them by various instruments of international law.

Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
☎ 03 - 8926 1500
🌐 www.eimas.doe.gov.my

Bil.99/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Making Climate Forecasts Matter


- This book reviews what we know about these and other questions and identifies research directions toward more useful seasonal-to-interannual climate forecasts. In approaching their recommendations, the panel explores:
 - Vulnerability of human activities to climate.
 - State of the science of climate forecasting.
- How societies coevolved with their climates and cope with variations in climate.
- How climate information should be disseminated to achieve the best response.
- How we can use forecasting to better manage the human consequences of climate change.

More Info : Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
☎ 03 - 8926 1500
🌐 www.eimas.dor.gov.my

BIL.96/2024

Environmental Impact Statements *2nd Edition*

Environmental Impact Statements, Second Edition has been extensively revised and updated to cover all the requirements for a wide variety of EISs on the federal, state and local levels, including a new chapter devoted to Environmental Justice. An Environmental Impact Statement (EIS) must be completed for any major action that requires a federal permit and may have an adverse effect on the environment.



PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

BIL.97/2024


PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

PRINCIPLES OF WATER RESOURCES

History, Development, Management, and Policy

<http://eibrary.doe.gov.my/cg-bin/kooha/qsac-detail.pl?biblionumber=13956>

New information is included on international water issues, water measurement, and telemetry. Additional details are also presented on global warming and its impact on water resources. In addition, environmental engineers will gain a current understanding of the field through updated case studies and images that make the material more relevant.




More Info : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.94/2024

Exploring Sustainable Development

Geographical Perspectives

This book explores different interpretations of sustainable development in both theory and practice, in developed and developing countries, and in rural and urban areas. It pays particular attention to the local, national and international politics of implementation, the future of climate and energy, the role of business, and different conceptions of agricultural sustainability.



PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)
03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my


BIL.95/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL @EiMAS

Environmental Impact Assessment

A Practical Guide

This book provides numerous examples and a host of useful suggestions throughout, while skillfully interweaving the basic requirements with an understanding of the principles underlying environmental impact assessment. There is also an extensive index for direct access to any topic.




More Info : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.92/2024

Incised River Channels

processes, forms, engineering, and management

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=10683>




Incised river channels are ubiquitous features of landscapes disturbed by environmental change. Problems associated with channel incision include undermining of structures, downstream sedimentation, severe bank erosion and widening, and degradation of aquatic and riparian habitats. In *Incised River Channels*, research from the disciplines of geomorphology, hydraulics, sediment transport, ecology, environmental management and river engineering is brought together to develop a detailed, integrated treatment, over a range of spatial and temporal scales, of the dynamic behaviour of unstable incised rivers. The book emphasizes the need for improved understanding of the processes and mechanisms of channel adjustment and evolution to underpin sustainable river management and engineering.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
Institut Alam Sekitar Malaysia @ EIMAS
03 - 8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil.93/2024

Groundwater and the Environment

Applications for the Global Community



GROUNDWATER and the ENVIRONMENT
Applications for the Global Community

Igor S. Zektser
English Editor: Louise G. Everett

Groundwater and the Environment: Remediation Applications and the Global Community covers one of the most important ecological problems - the impact on the environment of intensive groundwater pumping out. Drawing on more than a quarter century of study, Zektser analyses and makes conclusions about groundwater exploitation throughout the world.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS)
03 - 8956 1500 | www.eimas.doe.gov.my


Bil.90/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

The Climate Solutions Consensus

What We Know and What To Do About It

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=381>



This book is the first major consensus statement on the solutions to climate change by the nation's leading scientists. Drawing on recommendations developed by more than 1,200 experts, it presents some 35 practical, results-oriented approaches for minimizing climate change and its impacts. "The Climate Solutions Consensus" clearly spells out options for technological, societal, and policy actions. And it deals head-on with controversial topics, including nuclear energy, ocean fertilization, and atmospheric geo-engineering

More Info : 03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.91/2024

KOMUNIKASI PEJABAT

Petua pelayan pelanggan serta panduan umum penulisan memo, surat, laporan, minit, ucapan dan iklan

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=13948>

Terdapat banyak cara kita berkomunikasi, sama ada secara pertuturan atau secara penulisan. Sesetengah mesej tidak menggunakan bahasa langsung. Komunikasi ini disebut komunikasi tak bersuara

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS
Institut Alam Sekitar Malaysia @EIMAS
03 -8926 1500
www.eimas.doe.gov.my

Bil.88/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

ENVIRONMENTAL REGULATORY CALCULATIONS HANDBOOK

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=241>

REGULATORY CALCULATIONS HANDBOOK ADDRESSES THE ENVIRONMENTAL CONCERNS OF INDIVIDUALS BY PRESENTING THE BASIC FUNDAMENTALS OF MANY ENVIRONMENTAL REGULATORY TOPICS. FEATURING AN OVERVIEW OF THE HISTORY OF ENVIRONMENTAL PROBLEMS, THE CURRENT REGULATORY FRAMEWORK, AND PROBLEMS/SOLUTIONS OF PRACTICAL PROBLEMS IN THE FIELD, THIS HANDBOOK COMPREHENSIVELY BRINGS THE POTENTIAL CALCULATIONS AND INFORMATION ON REGULATIONS INTO ONE SINGLE-SOURCE REFERENCE.

More info : 03-8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.89/2024

Fundamentals of Ground Water

<http://elibrary.doe.gov.my/cgi-bin/koha/opac-detail.pl?biblionumber=11418>

Introduction to Ground Water provides the reader with the fundamental principles of the hydraulic cycle. Also complete with illustrations and real-life case studies, this text takes a comprehensive and realistic approach to the subject of hydrology. It also contains strong interactive computer-based programs for solving and simulating hydraulics groundwater processes.

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EiMAS)
03-8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Bil.86/2024

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS

Practical Atlas for Bacterial Identification

Biologists and zoologists have the luxury of being readily able to view, touch, measure and observe the life cycles of their organisms of interest without great difficulty. For bacteriologists such tangible examinations are denied. Only recently has it become possible to build up an understanding of the nature of these communities of bacteria.

For more information
03 - 8926 15 00 | www.eimas.doe.gov.my

D. Roy Cullimore

Bil.67/2024

Implementing Strategic Environmental Assessment


More countries are now using Strategic Environmental Assessment (SEA) than ever before. This timely and comprehensive Handbook describes the implementation of SEA in 18 countries around the world, as well as a critical analysis of different SEA methodologies. The Handbook starts by introducing key SEA principles and the legal requirements of the new European SEA Directive (which became law in 2004).

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EiMAS
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727



Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/
03-89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700





Microplastics in Our Oceans

L R P Z V L H O C I T Q C T J O E R G U Z T H L
 H T O D D R B F A D E G O G B W T Q J E C K Y R
 O X M S T H R X R A N W N M A L H W V B R K U G
 I A C S D U R Z B Y I O T Y M A A H I J Y C D C
 B G V G Z W H D O W R X A M E L Q J S W T R W L
 B J V U F M W X N K A H M G H O R F L I D U E C
 P R E C Y C L E Y O M L I B E W D O O F F A A P
 U Z T P C J G R V R V R N V X B A E R F S P A H
 O A N X Z A R C J J S L A Y C X Z X B D X J O Y
 W J X L Q F U Z G B E L T E C C Y G N Y T P W T
 L S F O P B I A K H V S I X C T Y D E H V T E O
 V Z N H O M Z U A W A W O X R S Z V P D S C A P
 V A U Z U B E U Y T W B N V L P R V I L O I S L
 J P T N E M N O R I V N E H G U H H P S F K N A
 Z A R V U Q U L W V N N D G S S T M Y H O K U N
 V B H B Z O O P L A N K T O N E J S V R F Q R K
 R E U S E J G M W S Y G C A C W T X B G K L D T
 S T V I F S S A A H F Q O Q P E T C Q D C R L O
 S I S E H T N Y S O T O H P M F Y A Y V T S E N
 F K M N M I C R O P L A S T I C R V H Y B H E J
 H X C D W N O I T U L L O P P K O T A O O W H Z
 T Q N G M R Q E J X Q K G A K P O E D Z G T J N
 Q O H Y G Y K N Y U L H M V W S H O W E R G E L
 G Z G D T S M Q X G X J D O I B J U H G Z Q E J

photosynthesis
contamination
phytoplankton
Microplastic

environment
zooplankton
showergel
ecosystem

pollution
recycle
foodweb
Marine
carbon

nurdle
survey
Reuse
waves
fish



Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

